

UNTUK SIARAN SEGERA

2 NOVEMBER 2019

UEM EDGENTA BAWA KECEERIAAN KE SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI P. RAMLEE

*UEM Edgenta Menyumbang Kerja-kerja Penambahbaikan dan
Penaiktarafan untuk Manfaat kepada 300 Pelajar*

GEORGE TOWN, 2 November 2019 – Salah satu sekolah rendah tertua di George Town, iaitu Sekolah Kebangsaan Tan Sri P. Ramlee (“SKTSPR”) telah menjalani kerja-kerja penambahbaikan melalui sumbangan UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, di mana ianya merupakan sebahagian daripada program Tanggungjawab Korporat (CR) syarikat.

Kerja-kerja penambahbaikan termasuk menaik taraf kawasan ruang menunggu di sekolah yang kini boleh digunakan untuk aktiviti luaran, penggantian papan hitam kepada papan putih di semua bilik darjah dan lukisan mural di luar bangunan sekolah, di mana Allahyarham Tan Sri P. Ramlee telah menerima pendidikan awal di sekolah yang berusia 132 tahun itu.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, aktiviti gotong-royong yang melibatkan sukarelawan dari UEM Edgenta, para ibu bapa dan guru-guru SKTSPR turut dianjurkan. Sukarelawan mengecat beberapa dinding bilik darjah dan gelanggang hopscotch serta menanam pokok untuk meningkatkan keceriaan landskap dan menambah baik fasiliti sekolah untuk manfaat para pelajar.

Menurut Dato’ Azmir Merican, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, “UEM Edgenta sangat berbesar hati untuk terus menyumbang dan membantu komuniti di mana kami beroperasi. Impak inisiatif CR kami tahun ini bukan hanya terhad kepada inisiatif penambahbaikan sahaja tetapi kami juga telah menaja Pasukan Robotik daripada Pusat Genius @ Pintar Negara, UKM yang akan mewakili Malaysia di *World Robot Olympiad* 2019 di Győr, Hungary sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk memberi inspirasi serta menggalakkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Kami juga telah

secara aktif melaksanakan beberapa program CR untuk membantu mereka yang memerlukan termasuk menyediakan bantuan pendidikan dan program Back-to-School”.

Sariman Mohd Esaha, Pengerusi Persatuan Guru Ibu bapa SKTSPR (PIBG) berkata, “Pelancaran bangunan yang telah dinaiktaraf ini tidak mungkin dapat dilakukan tanpa sokongan UEM Edgenta. Kami berbangga dapat bekerjasama dengan mereka, memastikan bahawa pelajar SKTSPR mempunyai peluang terbaik untuk mencapai kejayaan.”

Sebahagian daripada program CR di SKTSPR termasuklah menyediakan bahan-bahan bacaan seperti buku-buku dan permainan papan untuk Pusat Sumber, bantuan pembelajaran kepada kepada pelajar-pelajar pendidikan khas, serta sumbangan keperluan sekolah untuk *Back-to-School* kepada 20 pelajar-pelajar Asnaf dan yang kurang berkemampuan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Teh Lai Heng. ADUN Komtar, Hng Siah Hooi, Pengerusi JKK Kampung Jawa, Dato’ Abdul Rashid Ismail, Timbalan Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) dan Guru Besar Sekolah Puan Jamaiah Mahli.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com) / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com) / 012 340 9438 / 03 2725 7367)